

## **Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban**

Abdul Rahim Bin Hamdan & Nurul Shahrina Binti Shaharin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam berdasarkan kepada tiga aspek iaitu tahap minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada. Sampel kajian terdiri daripada 74 orang pelajar tingkatan empat sesi 2007 di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik adalah  $\alpha = 0.906$ . Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi 15.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatkan kajian menunjukkan tahap minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar berada pada tahap sederhana. Ujian-t pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara tahap minat dan kemahiran bahasa Inggeris pelajar di antara pelajar yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar. Manakala terdapat perbezaan tahap pengetahuan sedia ada antara kawasan tempat tinggal. Sekolah, guru, ibu bapa, Kementerian Pelajaran Malaysia dan pelajar itu sendiri perlu meningkatkan usaha untuk mencapai tahap yang tinggi dalam pendidikan di negara kita. Beberapa cadangan dikemukakan sebagai satu garis panduan untuk kajian lanjutan dilaksanakan.

*Katakunci:* kesediaan pelajar, Pengajian Kejuruteraan Awam

### **Pengenalan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan perindustrian dan teknologi. Bagi memenuhi kehendak negara untuk tujuan pembangunan negara, maka lebih ramai tenaga mahir diperlukan dalam bidang yang berkenaan. Sejak dengan matlamat itu, kerajaan telah memberikan peruntukan yang besar kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membina lebih banyak Sekolah Menengah Teknik di seluruh negara (Yahaya Emat, 1993). Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional yang telah ditubuhkan sejak tahun 1964 adalah sebahagian daripada program yang wujud dalam sistem pendidikan negara kita bertujuan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan separa mahir.

Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional merupakan rancangan bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kini jabatan ini lebih dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan (JPTEK). Jabatan ini telah menyediakan 4 bahagian pendidikan kejuruteraan termasuklah Pengajian Kejuruteraan Awam dalam program KBSM untuk memenuhi minat dan kecenderungan pelajar. Di samping itu, pelajar lepasan sekolah teknik juga tidak perlu lagi merasa ragu-ragu tentang pilihan kerjaya yang akan mereka ceburi. Kerana dengan memilih untuk belajar mata pelajaran ini, mereka telah memberikan hala tuju yang spesifik terhadap masa depan mereka.

### **Pernyataan Masalah**

Proses pembelajaran berkesan terhasil apabila pelajar benar-benar telah bersedia untuk belajar. Sekiranya mereka tidak bersedia, maka masalah disiplin akan timbul. Satu tinjauan telah dibuat untuk mendapatkan maklumat daripada pelajar-pelajar terhadap kesediaan belajar mereka iaitu dari segi minat, tahap kemahiran Bahasa Inggeris serta tahap pengetahuan sedia ada pelajar terhadap mata pelajaran Pengajian

Kejuruteraan Awam. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik ingin mengkaji kesediaan pelajar di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar dalam mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Objektif utama kajian ini ialah :

- 1 Mengenalpasti tahap minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.
- 2 Mengenalpasti tahap kemahiran Bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.
- 3 Mengenalpasti tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.
- 4 Mengenalpasti perbezaan minat antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.
- 5 Mengenalpasti perbezaan kemahiran Bahasa Inggeris antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.
- 6 Mengenalpasti perbezaan pengetahuan sedia ada antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.

### **Kepentingan Kajian**

Pernyataan dan dapatan daripada persoalan-persoalan yang dikemukakan untuk kajian ini adalah penting kerana ianya dapat memberikan gambaran sebenar tentang kesediaan pelajar-pelajar di SMT untuk mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Daripada dapatan kajian ini, secara tidak langsung boleh menjadi panduan kepada guru dan sekolah dalam merancangkan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi membolehkan pelajar mempelajari isi pelajaran dengan baik dan mudah.

Selain itu juga, ia juga boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menggubal sukanan pelajaran yang lebih praktikal bagi mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam berdasarkan tahap kesediaan belajar pelajar-pelajar di SMT.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri pula, diharap kajian ini dapat membantu pihak mereka dalam merancang program-program khas dalam meningkatkan profesionalisme guru berdasarkan hasil dapatan kajian yang dibuat tentang minat, kemahiran Bahasa Inggeris serta pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Dan yang paling utama, kepada para pelajar diharapkan mereka dapat menambahkan minat mereka terhadap mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di samping memupuk sikap yang positif pada diri sendiri.

## **Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada kesediaan pelajar-pelajar SMT dalam mempelajari mata pelajaran PKA. Kajian adalah meliputi tahap minat, kemahiran Bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia pelajar di SMT Tuanku Jaafar, Seremban.

## **Metodologi**

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Menurut Mohd Najib (2003), populasi adalah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Dalam penyelidikan, seseorang penyelidik mungkin tidak berupaya menggunakan semua ahli populasi. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar kursus Pengajian Kejuruteraan Awam dari 2 buah SMT yang berada dalam daerah Seremban yang mengambil.

Sampel merupakan sebahagian daripada populasi dan merupakan sumber untuk koleksi data (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Penyelidik telah memilih pelajar-pelajar PKA dari SMT Tuanku Jaafar, Seremban sebagai sampel kajian bagi mewakili populasi. Ini adalah kerana mereka mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi. Oleh itu, seramai 90 orang pelajar iaitu keseluruhan jumlah pelajar telah dijadikan sampel memandangkan bilangannya yang sedikit. Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah sampelan bertujuan. Sampelan bertujuan ini adalah pecahan dari kaedah sampelan tidak rawak di mana penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi (Mohamad Najib, 1999). Namun begitu, hanya 75 orang pelajar sahaja yang dapat menjadi responden. Ini adalah disebabkan oleh terdapat beberapa orang pelajar seperti pengawas dan pembimbing rakan sebaya yang terlibat dengan majlis penutup minggu orientasi pelajar tingkatan 4. Setelah analisis dijalankan, didapati hanya 74 borang soal selidik sahaja yang telah dijawab dengan lengkap manakala 1 borang soal selidik dianggap rosak.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan merupakan satu set soal-selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan kajian lepas serta telah mendapat pengesahan hasil daripada perbincangan dengan pensyarah pembimbing. Menurut Sulaiman (1996), soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat. Mengikut Mohd Najib (1996) pula, soal selidik merupakan satu alat ukur dalam penyelidikan untuk mendapat maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Terdapat banyak kelebihan penggunaan soal selidik sebagaimana yang dinyatakan oleh Walker (1985) iaitu :-

- a) Penggunaan soal selidik akan memudahkan penyelidik menguruskan proses penyelidikan;
- b) Penggunaan soal selidik memudahkan responden menjawab soalan yang dikemukakan;
- c) Penggunaan soal selidik akan memudahkan soalan-soalan yang lebih sesuai disediakan ;
- d) Penggunaan soal selidik lebih mudah untuk dilakukan tindakan susulan;
- e) Penggunaan soal selidik akan memudahkan perbandingan di antara individu dan juga kumpulan.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Pada mulanya, Bahagian A terdiri daripada 7 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti kelas, jantina, umur, keputusan PMR, keputusan bahasa Inggeris dalam PMR, tempat tinggal serta pekerjaan bapa. Manakala Bahagian B pula mengandungi 38 item soalan yang berkaitan tentang kesediaan pelajar mempelajari mata pelajaran PKA dari segi minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada. Namun setelah

kajian rintis dijalankan, penyelidik telah mengurangkan jumlah item dalam Bahagian B kepada 36 item. Bilangan item untuk setiap aspek dibahagikan sama rata iaitu sebanyak 12 item bagi memudahkan penyelidik untuk menjalankan analisis.

### Kajian Rintis

Wiersma (1991) menyatakan bahawa kajian rintis yang telah dijalankan bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan untuk mendapatkan darjah kepercayaan yang baik ialah 0.6 ke atas. Kajian rintis digunakan untuk menentukan keesahan item soal selidik yang dijalankan. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 20 orang pelajar yang mempelajari mata pelajaran PKA di SMT Ampangan, Seremban. Pemilihan sampel kajian rintis ini dilakukan secara rawak mudah. Tujuan kajian rintis ini adalah :-

- i) Untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat.
- ii) Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang digunakan. Penyelidik membenarkan responden bertanya jika pernyataan tersebut sukar difahami.
- iii) Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami kehendak setiap item di dalam soal selidik yang diedarkan.

Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan perisian SPSS Version 15.0 for Window. Nilai Alpha yang diperolehi ialah 0.906. Oleh itu, dalam kajian rintis ini jika keesahan dan kebolehpercayaan kajian yang mencapai nilai alpha 0.8 hingga 1 boleh dianggap baik dan tinggi (Mohd Najib, 1999). Maka dengan ini item yang dibina dalam soal selidik boleh dipercayai dan boleh diterima.

### Keputusan

Jadual 1 di bawah menunjukkan ringkasan analisis keseluruhan dapatan persoalan kajian. Purata min yang diperoleh bagi persoalan kajian 1 adalah 3.43, 3.21 bagi persoalan kajian 2 manakala 3.43 bagi persoalan kajian 3. Kesimpulannya, berdasarkan purata min yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa kesemua aspek dalam persoalan kajian iaitu minat, pengetahuan bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar berada pada tahap sederhana.

**Jadual 1:** Analisis Keseluruhan Dapatan Persoalan Kajian

Persoalan kajian	Purata Min	Tahap
Tahap minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban	3.43	Sederhana
Tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di SMT Tuanku Jaafar, Seremban	3.21	Sederhana
Tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Kejuruteraan Awam Di SMT Tuanku Jaafar, Seremban	3.43	Sederhana

Hasil analisis ujian-t pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap minat dan kemahiran sedia ada dengan tempat tinggal pelajar dalam mempelajari mata pelajaran PKA di SMT Tuanku Jaafar, Seremban. Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol bagi persoalan kajian 4 dan 5 diterima iaitu tiada

perbezaan tahap minat dan kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar. Namun begitu, hipotesis nol bagi persoalan kajian 6 iaitu tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan sedia ada antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar Bandar ditolak. Hasil analisis ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap pengetahuan sedia ada antara tempat tinggal pelajar.

## **Perbincangan dan Rumusan**

### **Minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban**

Minat sering dikaitkan dengan pengaruh utama seseorang individu untuk mendapat sesuatu yang diinginkan. Dalam erti kata yang lain minat juga kecenderungan bagi seseorang individu untuk mengetahui, mendalami, mempelajari pekerjaan yang menjuruskan mereka kepada perkara yang diingini. Dengan ini minat boleh dikatakan sebagai penggerak utama untuk memberi perhatian kepada sesuatu perkara, benda atau kegiatan yang diingini (Nurhamizah, 2007).

Dapatkan persoalan kajian 1 diuji dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu berdasarkan kepada nilai kekerapan, peratusan dan min. Purata min keseluruhan bagi persoalan kajian 1 menunjukkan minat pelajar berada pada tahap sederhana. Hasil analisis ini mungkin disebabkan oleh faktor kemasukan mereka ke sekolah teknik adalah disebabkan oleh keinginan ibu bapa dan bukanlah berdasarkan kehendak pelajar itu sendiri.

Namun begitu, pelajar juga boleh mendapatkan prestasi yang cemerlang dalam bidang yang tidak atau kurang diminati oleh mereka. Ini mungkin boleh disebabkan oleh faktor luaran seperti teknik dan kaedah pengajaran guru, bahan bantu mengajar atau latihan yang mencukupi. Mungkin pada permulaannya seseorang individu pelajar itu tidak berminat dengan sesuatu mata pelajaran itu, namun disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas pelajar itu telah membina minatnya sendiri terhadap mata pelajaran tersebut secara tidak sengaja. Menurut Sabri Ahmad (2003) sikap dan minat pelajar boleh diubah sekiranya sesuatu mata pelajaran yang diajar mampu menarik minat mereka. Strategi pengajaran adalah untuk membina serta mengukuhkan minat pelajar terhadap pembelajaran sera membimbing mereka supaya bersedia untuk menerima pelajaran seterusnya. Mengikut Fryland (1950, dalam kajian Ailis 1997) minat yang timbul dalam diri seseorang pelajar akan mempengaruhi proses pembelajaran. Apabila seseorang itu berminat maka ia akan bertambah tekun bagi mencapai kejayaan.

Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelajar tempat tinggal pelajar dengan tahap minat. Ini adalah kerana dapatan kajian mendapati nilai  $p$  yang diperoleh adalah 0.267, lebih besar daripada nilai signifikan iaitu 0.05. Hipotesis nol diterima dan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tempat tinggal dengan tahap minat pelajar.

Secara keseluruhannya, minat pelajar SMT Tuanku Jaafar, Seremban terhadap mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, minat pelajar boleh dipupuk dan sekaligus menambahkan lagi bilangan individu yang berkemahiran dalam bidang teknologi sebagai memenuhi kehendak sektor perindustrian (Roziana, 2007).

### **Kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban**

Dapatkan persoalan kajian 2 juga diuji menggunakan kaedah yang sama dalam persoalan kajian 1. Purata min bagi persoalan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran bahasa Inggeris pelajar berada pada tahap sederhana.

Keputusan analisis ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada penggunaan bahasa Inggeris. Pendedahan ini biasanya dikaitkan dengan suasana persekitaran seseorang. Persekitaran yang menggunakan bahasa Inggeris juga akan membentuk sikap pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Kenyataan ini juga disokong oleh Salina Ibrahim (2002) yang menyatakan persekitaran yang baik perlu disediakan untuk menggalakkan penguasaan bahasa Inggeris supaya perkembangan bahasa tersebut dapat berjalan lancar. Oleh itu, pelajar perlulah berusaha untuk mencari persekitaran yang sesuai untuk mereka memperkasakan lagi penguasaan bahasa Inggeris mereka.

Kementerian pelajaran telah mengambil langkah positif dengan mengubah kurikulum mata pelajaran teknikal sekaligus turut melibatkan mata pelajaran PKA ke dalam bahasa Inggeris akibat daripada kepentingannya. Dengan pengubahan kurikulum ini, ia mampu melahirkan pelajar berkualiti dari peringkat rendah lagi sebelum mereka keluar ke bidang yang lebih tinggi yang mana fasih berbahasa Inggeris. Ia sesuai dengan pendapat Bochner (1996), pelajar yang menguasai dua bahasa mempunyai kelebihan kognitif berbanding pelajar yang boleh bertutur dalam satu bahasa sahaja.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa nilai  $p$  yang diperoleh bagi perbezaan tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar ialah 0.903, lebih besar daripada nilai signifikan iaitu 0.05. Ini bermakna bahawa tidak terdapat perbezaan terhadap tahap kemahiran bahasa Inggeris dengan faktor tempat tinggal. Oleh itu, hipotesis nol diterima dan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tempat tinggal dengan tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar.

### **Pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban**

Dapatan persoalan kajian 3 juga menggunakan kaedah statistik deskriptif. Purata min keseluruhan menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada pelajar berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa para pelajar tidak mendapat pendedahan yang secukupnya mengenai mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Ini bermakna mereka mungkin akan menerima sedikit kesukaran untuk mempelajari dan seterusnya menguasai mata pelajaran tersebut. Menurut Knowles (1980, dalam Zulkharnain 2007) mengatakan pengalaman yang ada pada pelajar adalah merupakan asas kepada aktiviti pembelajaran.

Pengetahuan sedia ada adalah meliputi pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu sebelum mempelajari sesuatu yang baru. Setelah pembelajaran berlaku, individu tersebut akan cuba membuatkan perkaitan ilmu baru yang dipelajarinya dengan ilmu yang telah sedia ada. Jika lebih banyak pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu dalam sesuatu bidang, maka lebih mudahlah individu itu untuk memahami perkara yang baru dipelajarinya dalam bidang yang sama. Menurut Sazali (2007) dengan adanya ilmu yang terdahulu, pelajar tersebut akan lebih mudah menerima dan mengajar rakan-rakannya yang lain. Dia juga akan menjadi pendorong kepada rakan-rakannya untuk mempelajari mata pelajaran tersebut.

Namun begitu, hasil analisis Ujian t menunjukkan bahawa nilai  $p$  yang diperoleh ialah 0.032, kurang daripada nilai signifikan iaitu 0.05. Ini bermakna bahawa terdapat perbezaan terhadap tahap pengetahuan sedia ada pelajar dengan faktor tempat tinggal. Maka hipotesis nol ditolak dan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan sedia ada pelajar dengan tempat tinggal.

Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh kebolehsampaian maklumat dengan mudah dan cepat bagi pelajar yang tinggal di bandar jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di luar bandar. Ini adalah kerana dengan wujudnya pelbagai kemudahan di kawasan tersebut. Faktor pekerjaan bapa juga boleh mempengaruhi pengetahuan sedia ada responden di mana pendedahan yang lebih terhadap bidang kejuruteraan awam. Jika bapa responden bekerja dalam sektor yang terlibat dengan kejuruteraan awam seperti kontraktor atau Jabatan Kerja Raya, maka ini akan memberikan kelebihan kepada responden kerana mereka lebih terdedah dengan pengetahuan yang berkaitan dengan bidang berkenaan.

Kesimpulannya, pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di SMT Tuanku Jaafar, Seremban adalah pada tahap sederhana manakala terdapat perbezaan tahap pengetahuan sedia ada antara pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar.

## Rujukan

- Abd Aziz Hj Nahar (1996). *Tanggapan Guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Daerah Kulai*. Universiti Teknologi Malaysia : Tidak Diterbitkan.
- Abdul Hannan Bin Abdullah (2007). *Persepsi Pelajar-Pelajar Kolej Komuniti Di Daerah Segamat, Johor Terhadap Kursus Dan Program Yang Mereka Ikuti*. Tidak Diterbitkan, UTM.
- Abdul Rahim Hussein (1996). *Memupuk Kemahiran Berfikir*. Skudai : Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Abu Zahari Abu Bakar (1988 ). *Asas Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur : Heinemann.
- Ahmad Zulkharnain Alias (2007). *Tinjauan Gaya Pembelajaran Yang Diamalkan Dalam Kalangan Pelajar – Pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar*. Tidak Diterbitkan, UTM.
- Ailis Meran (1997). *Faktor yang Mendorong Pelajar Dalam Pemilihan dan Mengikuti Kursus Ekonomi Rumah Tangga, Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan*. Tidak Diterbitkan, UTM.
- Ani Suzana Binti Abdul Samad (2007). *Kajian Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Lelaki Dalam Komponen Kemahiran Hidup Bersepadu (ERT). Satu Tinjauan Di Smk Sri Intan Kluang Johor*. Tidak Diterbitkan, UTM.
- Atan Long (1976). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- August, D. & Hakuta, K. (Edss) (1997). *Improving Schooling For Language – Minority Children : A Research Agenda*. Washington, D.C : National Academy Press.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, and Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Bochner, Stephen (1996). The Learning Strategies Of Bilingual Versus Monolingual Student. *The British Journal Of Educational Psychology*. **11** (3-4) : 279-295.
- Burden, P.R. dan Byrd D.M. (1994). *Methods For Effective Teaching*. Massachusset: Simon and Shuster.
- Champion, M.A. (1991). Meaning And Measurement Of Turnover Comparison Of Alternative Measures And Recommendation For Research. *Journal of Applied Psychology*, 76(2),199-212
- Crow dan Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Downey, M. E. (1975). *Theory and Practice of Education : An Introduction*. London : Harper & Row.

Ee Ah Meng ( 1992 ). *Psikologi Perkembangan Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Edisi Kedua, Kuala Lumpur : Siri Pendidikan Fajar Bakti.

Ee Ah Meng (1993). *Pedagogi II : Amalan Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1996). *Pendidikan di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.

Egbert, J.L. (1993). *Analytic and Systemic Analyses of Computer Supported Language Learning Environments*. Tucson : University of Arizona.

Esah Sulaiman (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.

Faezzah Bt Jasni (2007). *Mengenalpasti Kemahiran Komunikasi Lisan, Komunikasi Bukan Lisan Dan Komunikasi Interpersonel Di Kalangan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar*. Tidak Diterbitkan, UTM.